



Kelancaran Membaca Al-Quran Pendorong Pelaksanaan Solat Wajib di kalangan Pelajar-Pelajar Muslim UiTM Pahang: Satu Tinjauan Ringkas

Ruaain Mustari

ABSTRAK

Ibadah solat merupakan jambatan hubungan manusia dengan Allah s.w.t. Melalui sola, seseorang muslim dapat menghampirkan diri dengan Allah. Sementara al-Qur'an pula adalah Kitab Allah, maka mempelajari dan memahaminya merupakan ibadah dan amalan para muttaqin. Membaca al-Qur'an dan mendirikan solat adalah dua perkara asas yang dituntut untuk diamalkan oleh setiap muslim di dalam ajaran Islam. Sehubungan dengan itu sedikit tinjauan ringkas telah dibuat ke atas sekumpulan pelajar di UiTM Pahang Kampus Jengka berhubung persoalan kelancaran pembacaan al-Qur'an mereka sebagai pendorong kepada amalan menunaikan solat lima waktu dengan baik. Hasilnya didapati bahawa tahap bacaan al-Qur'an seseorang pelajar tidak semestinya mempengaruhi komitmen mereka untuk melakukan solat, malah pendidikan daripada ibu bapa dan kesedaran sendiri merupakan faktor penting yang menggerakkan mereka untuk melakukan ibadah tersebut dengan sempurna.

Kata kunci : *kelancaran, bacaan al-quran ,mendorong, pelaksanaan solat wajib*

Pendahuluan

Al-Quran merupakan mukjizat yang telah dikurniakan oleh Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk dijadikan panduan (perlembagaan) hidup yang wajib difahami dan diikuti oleh semua individu muslim. Membaca al-Quran adalah satu ibadat yang sangat penting. Ia perlu dibaca dengan betul dan mengikut tatatertib yang tertentu. Ia juga perlu dibaca setiap hari walaupun dengan kadar yang sedikit sahaja mengikut kemampuan.

Manakala solat pula menjadi satu daripada tiang-tiang asas pembinaan keislaman pada diri seseorang muslim. Ia wajib ditunaikan mengikut kaifiat dan tatacara yang telah ditentukan oleh syariat Islam.

Membaca al-quran dengan baik dan mendirikan solat merupakan amalan utama diperingkat akar umbi bagi setiap muslim. Fenomena hari ini memperlihatkan bahawa ramai daripada kalangan masyarakat Islam yang kurang melaksanakannya .Apakah punca berlakunya keadaan ini? Siapakah yang patut dipersalahkan? Bagaimanakah cara mengatasinya? Inilah persoalan-persoalan yang ingin dibincangkan..

Al-Quran dan solat mempunyai pertalian yang rapat dalam kehidupan seseorang muslim. Setiap orang Islam dituntut mempelajari, memahami dan menghayati ayat-ayat al-Quran, termasuklah membacanya ketika mendirikan solat.

Objektif

Tinjauan ini bertujuan untuk :

- a) Mengetahui secara umum tentang tahap kemampuan pelajar-pelajar muslim UiTM Pahang membaca al-Quran dengan lancar.
- b) Mengetahui kesan / pengaruh kelancaran membaca al-Quran di kalangan pelajar terhadap kecenderungan sikap patuh mendirikan solat lima waktu.
- c) Mengenal pasti punca-punca berlakunya masalah tidak lancar membaca al-Quran yang kemungkinan menyebabkan pelajar-pelajar kurang menunaikan atau mengabaikan solat .

Al-Quran dan Kepentingannya

Takrif al-Qur'an

Dari segi **bahasa**:

- a) Menggabungkan sesuatu dengan yang lain (kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w) di mana ayat-ayat, huruf-huruf dan surat-suratnya bergabung antara satu sama lain).
- b) Mengumpulkan (mengumpulkan intisari kitab-kitab yang telah diturunkan terdahulu, dan mengumpulkan segala macam ilmu pengetahuan).
- c) Tanda-tanda, di mana ayat-ayatnya saling menguatkan antara satu sama lain dan saling membenarkan .

Pengertian-pengertian ini saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain.

Dari segi **istilah** Al-Quran adalah *"Kalam Allah yang tiada tandingannya, diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w penutup para Nabi dan Rasul, dengan perantaraan Malaikat Jibril 'alaihissalam dan disampaikan kepada kita secara mutawatir, serta membaca dan mempelajarinya merupakan suatu ibadat"*. Al-Qur'an hendaklah dibaca dalam bahasa Arab kerana ia diturunkan dalam bahasa tersebut.(Drs. Miftah Faridl, 1989)

Kalimah "**Lancar**" boleh diertikan sebagai fasih benar, laju dan tidak tersangkut-sangkut (Kamus Dewan, hlm 703). Jadi ,dalam kontek tajuk kajian ini, ia bermaksud boleh membaca al-Quran dengan fasih dan baik hukum-hakam bacaannya.

Ukuran Tahap Kelancaran Pembacaan al-Quran di sini ialah:

- | | |
|--------------|---|
| Terbaik | : Membaca al-Quran dengan fasih dan bertajwid |
| Baik | : Membaca al-Quran dengan lancar tetapi kurang bertajwid |
| Lemah | : Membaca al-Quran dengan kurang lancar dan tidak bertajwid |
| Sangat lemah | : Tidak tahu langsung membaca al-Quran. |

Keputusan Amalan Membaca al-Quran ke atas Muslim

Membaca al-Quran merupakan tuntutan agama Islam ke atas umatnya untuk diamalkan atau dilaksanakan. Tidak bermakna hidup seseorang muslim yang tidak tahu atau mahir membaca al-Quran. Ini disebabkan kedudukan al-Quran itu yang istimewa dan mempunyai kelebihan-kelebihan seperti berikut :

- a) Sebagai mukjizat Nabi Muhammad s.a.w yang membuktikan tentang kebenaran kerasulan Baginda. Segala ajaran yang dibawa oleh Baginda dan para rasul sebelumnya terkandung di dalam al-Qur'an yang merangkumi semua bidang kehidupan manusia (bersifat syumul), mencakupi perkara-perkara yang sudah berlaku seperti peristiwa kepada umat yang terdahulu, perkara yang sedang berlaku dan yang akan berlaku.
- b) Sebagai sumber petunjuk dan pedoman hidup, serta sumber syariat dan hukum- hakam yang wajib dipegang dan dijadikan rujukan.
Firman Allah s.w.t yang bermaksud:
"Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya), ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa." (Al-Baqarah: 2)
- c) Merupakan penawar kepada penyakit-penyakit yang dihadapi oleh manusia, sama ada ia bersifat zahir atau batin. Firman Allah bermaksud:
"Dan kami turunkan dari al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman" (al- Isra' : 82)
- d) Dapat memberi syafaat (pembelaan) ke Syurga bagi orang yang sentiasa membacanya dan menjadikannya sebagai pimpinan hidup. Demikian juga sebaliknya, kemurkaan Allah bagi orang yang meninggalkan al-Qur'an dalam hidupnya.

Firman Allah s.w.t bermaksud:

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada dalam dada kamu, dan juga menjadi petunjuk hidayah untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman. Katakanlah (wahai Muhammad); kedatangan al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayangNya, maka dengan isi kandungan al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita, kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpulkan (dari segala benda dan perkara yang tidak kekal)" .(Yunus : 57 – 58)

Islam mengangkat darjat orang yang membaca dan mengamalkannya di sisi Allah Ta'ala. Al-Qur'an merupakan tali penghubung yang kukuh di antara manusia (hamba) dengan Allah. Ia juga umpama cahaya yang menerangi, penyembuh yang sangat mujarab dan penyelamat kepada yang mengamalkannya.

Di samping kelebihan yang ada pada kitab al- Quran itu, terdapat juga hikmah (keistimewaan) kepada orang yang membacanya. Di antaranya ialah:

- a) Dapat menambahkan ilmu pengetahuan
Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud ” *Sebaik-baik di antara kamu ialah orang yang belajar al-Quran dan yang mengajarkannya*” - riwayat al-Bukhari.
- b) Dapat mengawal diri daripada perbuatan-perbuatan jahat atau mungkar
Baginda juga telah bersabda bermaksud; ” *Bacalah al-Quran selama ia dapat mencegahmu (dari perbuatan jahat). Apabila ia tidak dapat lagi menahanmu dari perbuatan itu, maka engkau belum membacanya*”
Hadis ini menunjukkan bahawa setiap orang yang membaca al-Quran sewajarnya memahami maknanya (Mohd Yusuf, 1995) , mengikuti dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Dengan ini , mereka akan terpelihara dan terkawal daripada segala perkara yang dimurkai Allah s.w.t. (al-Qasimi, 2002)
- c) Dapat menarik hati orang yang mendengar dan memahaminya, kerana terpegun dengan keindahan seni yang terdapat pada ayat-ayat suci al-Quran. Inilah yang berlaku kepada Saidina Omar al-Khattab yang berubah daripada seorang yang mempunyai sifat pemaarah kepada lembut hatinya setelah mendengar ayat-ayat yang dibacakan di hadapannya. (Datuk Abu Hassan Din, 2003)
- d) Menjadi penawar kepada berbagai penyakit samaada yang zahir atau batin. Orang yang sentiasa membaca al-Quran akan merasa sihat fizikalnya kerana beliau memiliki kekuatan dalam jiwanya.(Drs. Kasmuri , 1997), (al- Ghazali, 1980) dan (al- Alawie, 2006)

Isi kandungan al-Quran yang menyeluruh boleh dibahagikan kepada enam bahagian:

- a) Akidah
- b) Syariah
- c) Akhlak
- d) mengkaji tentang kejadian alam untuk mengenal Allah
- e) Mengisahkan sejarah orang-orang terdahulu yang dijadikan iktibar dan pedoman bagi membuktikan sunnatullah ataupun hukum-hakam Allah.
- f) Menerangkan tentang janji-janji gembira dan juga ancaman Allah kepada manusia di atas perbuatan mereka.

Solat dan Kepentingannya

Pengertian Solat

Solat dari sudut bahasa ialah doa. Dari segi syarak solat bermaksud ibadah yang merangkumi perkataan dan perbuatan tertentu bermula dengan takbir dan berakhir dengan salam mengikut syarat-syarat yang tertentu.

Kedudukan Solat Dalam Islam

- a) Solat adalah ibadah yang amat penting. Ia merupakan tiang agama. Islam tidak akan tertegak tanpa ibadah solat.
Maksud Sabda Rasulullah s.a.w.
“Pokok urusan ialah Islam, sedang tiangnya ialah solat dan puncaknya ialah berjuang di jalan Allah.”
- b) Ibadah solat juga adalah ibadah yang pertama diwajibkan oleh Allah s.w.t. kepada manusia. Ia disampaikan secara langsung oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. tanpa perantaraan Jibril pada tanggal 27 Rejab, selepas 10 tahun 3 bulan Nabi Muhammad s.a.w. diutuskan menjadi Rasul oleh Allah s.w.t.
- c) Ibadah solat juga merupakan amalan hamba yang mula-mula sekali dihisab. Maksud Hadith Rasulullah s.a.w.
“Amalan yang mula-mula dihisab dari seorang hamba pada hari kiamat ialah solat. Jika ia baik, baiklah seluruh amalannya, sebaliknya jika ia rosak maka rosaklah pula semua amalannya.”
(Maksud Hadith diriwayatkan oleh al-Tabrani)
- d) Betapa pentingnya solat, Rasulullah s.a.w. telah meninggalkan wasiat terakhir kepada umatnya sewaktu baginda hampir wafat. Pesanan Rasulullah s.a.w.:
“Sesungguhnya ikatan agama Islam akan terurai satu demi satu. Maka setiap terurai satu buhul, orangpun akan bergantung pada buhul berikutnya. Maka buhul pertama ialah menegakkan hukum sedang yang terakhir ialah solat”.

Hikmah Solat

Solat adalah lambang pengabdian kepada Allah s.w.t dan mempunyai hikmah serta keistimewaan yang tersendiri :

- a) Solat adalah saluran utama hubungan kita dengan pencipta kita, yakni Allah s.w.t. Ia merupakan wadah bagi kita membuktikan pengabdian kita kepadaNya. Melalui solat, akan suburlah keimanan yang terdapat di dalam hati kita. Setiap ayat yang kita baca, pasti akan mendekatkan lagi diri kita dalam mengingati Allah s.w.t. Ia sentiasa memberikan kesedaran iman yang berterusan kepada seseorang Muslim. Dengan itu, dalam mendirikan solat, ia mengingatkan kita kepada Allah sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Allah di dalam firmanNya bermaksud :

Ertinya: Maka sembahlah Aku (yakni Allah) dan dirikanlah solat untuk mengingatKu.

(Thaahaa: 14)

- b) Solat juga meningkatkan lagi ketaqwaan kita kepadaNya. Antara sifat utama golongan Muttaqin iaitu orang yang mempunyai sifat taqwa ialah kekal mendirikan solat, sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam Al-Qur'an bermaksud :

Ertinya: Kitab (*Al-Qur'an*) ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertaqwa. (iaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian rezki yang Kami anugerahkan kepada mereka.

(Al-Baqarah: 2-3)

- c) Di samping itu solat dapat menjadi benteng yang kuat dan kukuh kepada kita daripada melakukan maksiat, jika solat itu dikerjakan dengan baik, memahaminya dengan baik dan menghayatinya dengan baik, maka Insya Allah kita akan dapati bahawa solat itu dapat mengawal diri kita daripada melakukan kemungkaran kepada Allah. Perilaku dalam solat menanamkan dan mencetuskan perasaan kebesaran pada Allah swt. Solat juga menjauhkan kita dari sifat lalai dan leka dengan perintah-perintah Allah swt. Firman Allah s.w.t bermaksud :

Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, iaitu Al Kitab (Al-Qur'an) dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (solat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain). Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

(surah Al-Ankabut : 45)

- d) Solat telah dianggap sebagai tiang agama Islam, tiang yang akan menguatkan dan mengukuhkan agama Islam itu. Sebuah rumah yang tidak bertiang, pastilah roboh rumah itu. Begitu juga dengan agama Islam. Jika tidak didasarkan pembinaannya dengan solat, pasti akan robohlah agama itu. Oleh yang demikian, ia merupakan amalan yang mula-mula akan dihisab Allah di Hari Akhirat nanti, sebagaimana yang dinyatakan oleh junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w di dalam sebuah hadis:
Ertinya: *Amalan yang mula-mula dihisab dari seorang hamba pada hari kiamat ialah solat. Jika ia baik, baiklah seluruh amalannya. Sebaliknya jika ia rosak, maka rosaklah pula semua amalannya.*
- e) Solat itu juga akan menjadi kunci kejayaan kita di akhirat kelak. Ia akan menjadi cahaya dan bukti bagi setiap Muslim yang melakukannya. Pasti solat itu akan membantu kita di Hari Kiamat. Dan sesiapa yang tidak menjaga kewajipan solat, kelak dia tidak akan memperoleh cahaya dan pertolongan daripada Allah.
- f) Solat juga boleh berfungsi sebagai suatu riadah. Pergerakan-pergerakan yang dilakukan di dalam solat seperti ruku' dan sujud dapat menggerakkan otot-otot dan secara tidak langsung menjadi satu latihan jasmani. Bukan sahaja riadah, malah solat juga dapat mengajar individu mengendalikan masanya. Setiap masuknya waktu solat, seseorang individu itu mestilah tahu membahagi-bahagikan masanya antara kerjanya dan solatnya. Dengan itu, solat dapat melahirkan individu yang cekap dalam pembahagian masa.
- g) Solat yang sempurna melahirkan syaksyah atau peribadi muslim sejati. Mewujudkan potensi dalam jiwa. Mendidik rasa patuh dan taat pada kehendak Allah swt. Berhati-hati dalam membuat keputusan kerana sentiasa merujuk pada Allah swt. Membina rasa tenang dalam jiwa. Melahirkan rasa sabar yang sebenarnya. Mengurangkan rasa ego dan sombong. Hubungan ini juga melahirkan dan meningkatkan rasa keyakinan dalam menghadapi kehidupan yang penuh dugaan dan ujian ini

- h) Solat dapat menghapuskan dosa.. Dari Abu Zar r.a. . Sabda Nabi s.a.w. bermaksud :
“ Ya Abu Zar! Apabila seorang Islam menunaikan solatnya kerana Allah, dosanya gugur seperti daun-daun ini gugur dari pohon”.

Mengikut pendapat ulama' dosa yang dihapuskan ialah dosa kecil sahaja sementara dosa besar tidak akan diampun kecuali dengan bertaubat. Abu Hurairah r.a. menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. bertanya kepada para sahabat maksud sabda Rasulullah s.a.w. :

“ Adakah kamu percaya bahawa kotoran yang melekat pada tubuh seorang yang mandi lima kali sehari dalam sungai yang mengalir di depan rumahnya? “ jawab para sahabat: “ Tidak kotoran tidak akan melekat pada tubuhnya. “ Sabda Rasulullah s.a.w. “ Begitulah umpamanya kesan sembahyang yang dikerjakan lima kali sehari. Dengan limpah Allah, ia menghapuskan segala dosa.”

Rasulullah s.a.w. bertujuan hendak menegaskan bahawa sembahyang mempunyai kuasa ajaib untuk menghapuskan dosa. Ini merupakan satu rahmat yang besar daripada Allah s.w.t. yang maha pengasih dan penyayang. Namun kita tidak sepatutnya mengambil mudah dalam persoalan ini dengan terlalu yakin dengan dosa-dosa kita diampunkan oleh Allah s.w.t. apabila kita mengambil wudhu' dan melakukan solat. Kita perlu menilai dahulu sejauh mana kita sudah khusyuk di dalam sembahyang. Pengampunan dosa adalah rahman dari Allah ke atas hambaNya. (Mohd Uzair taufik , 1999).

- i) Solat dapat menyelamatkan seseorang mukmin itu daripada daripada seksa kubur. Abu Hurairah r.a. menceritakan bahawa beliau dengar Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya :

“apabila mayat telah dikebumikan dan orang-orang yang hadir di upacara pengkebumiannya belum pun pulang malaikat Munkar dan Nakir datang kepadanya. Kalau orang itu seorang mukmin, maka amal-an-amalannya yang baik itu mengepungnya, sembahyang datang menghampiri kepalanya, zakat datang ke kanannya, puasa ke kirinya dan amalann-amalannya yang baik lagi itu datang kearah kakinya sehingga tidak ada suatu yang dapat mendekatinya sehingga malaikat-malaikat pun akan menyoyalnya berdiri dari jarak jauh.”

Hubungan Antara Membaca al-Quran dengan Mendirikan Solat

Waktu yang terbaik untuk membaca al-Quran ialah ketika di dalam solat. Di samping itu, umat Islam diperintahkan juga membacanya ketika di luar solat , terutamanya di waktu separuh malam yang terakhir atau pun selepas waktu subuh. Orang yang suka mengamalkan membaca al-Quran akan merasa tenang di dalam hati, kepalanya ringan dan pernafasannya lega. Apatah lagi jika dibaca dengan lancar.

Sedia dimaklumi bahawa ibadat solat mengandungi rukun-rukun yang tertentu, iaitu rukun qauli dan rukun fi'li. Rukun qauli merupakan bacaan-bacaan yang tertentu sama ada terdiri dari ayat-ayat al-Quran atau pun zikir-zikir yang juga diambil daripada ayat al-Quran, manakala rukun fi'li ialah perbuatan-perbuatan atau pergerakan-pergerakan yang tertentu di dalam solat.. Al- Fatehah merupakan ibu al-Quran yang wajib dibaca di dalam solat kerana ia menjadi Rukun Solat. Justeru itu sememangnya ada kaitan yang kuat di antara kelancaran membaca al-Quran dengan amal-an mendirikan solat itu sendiri.

Firman Allah s.w.t bermaksud;

” Dan mereka segera menumuskan mukanya dengan sujud itu sambil menangis, sedang al-Quran menambahkan mereka khusyuk”. (al-Isra' : 109)

Ayat ini memberi pengajaran bahawa al-Quran yang dibaca di dalam sembahyang dengan penuh penghayatan akan menambahkan lagi rasa hina diri, kasih kepada Allah dengan sebenar-benarnya dan merasa gerun dengan keagungan Allah s.w.t.

Pemahaman terhadap ayat ini juga menggalakkan pembacanya suka mendirikan solat dan sujud kepada Allah dengan khusyuk.

FirmanNya lagi yang bermaksud;

”dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankan dia, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara kita”. (al-Isra' : 110)

Dari ayat ini juga dapat difahami bahawa membaca al-Quran dengan baik amat dituntut ketika solat, terutama bacaan imam dalam solat berjemaah untuk menarik hati makmum supaya memahami serta menghayatinya dalam kegiatan hidup seharian di luar solat.

Di samping itu, terdapat bacaan-bacaan ayat al- Quran yang digalakkan di dalam solat. Pada waktu Subuh, digalakkan membaca surah yang agak panjang supaya memberi peluang makmum yang lewat dapat mengikut imam. Pada waktu Zohor dan Asar pula, dibaca surah yang agak pendek sedikit dari waktu Subuh. Demikian juga bacaan surah yang pendek dalam waktu maghrib, dan sederhana pada waktu Isyak (Abdullah al-Qari, 2000). Jadi, ini menunjukkan bahawa kelancaran membaca al-Quran memang perlu bagi seseorang muslim untuk mencapai tahap melaksanakan solat dengan sempurna. Walau bagaimanapun tidak bermakna orang yang tidak lancar membaca al-Quran akan meninggalkan solat seluruhnya.

Sepertimana yang disebut di dalam al-Quran, sesungguhnya solat itu nampak mudah, namun mendirikannya amat berat kecuali bagi orang yang khusyuk. Ini menunjukkan bahawa amalan mendirikan solat dan menghayatinya memerlukan istiqamah yang kuat kepada ajaran Islam itu sendiri. Orang yang menghayati solatnya akan sentiasa menjaga segala peraturan yang perlu untuk sahnya solat yang dilakukannya. Di antaranya ialah cuba fasih (lancar) membaca al-Quran dan doa-doa lain yang terkandung di dalam solat. Membaca al-Quran dengan cara dan adab yang sebenar dapat memupuk rasa cinta kepada al-Quran, dan mendorong pembacanya mendirikan solat supaya dapat membaca ayat-ayat tersebut di dalamnya, kerana ia merupakan masa yang terbaik untuk membaca al-Quran.

Tinjauan Terhadap Amalan Membaca al-Quran dan Amalan Mendirikan Solat di Kalangan Pelajar

Seramai 177 orang responden dari berbagai fakulti, bahagian Satu dan Tiga, yang berusia di antara 18 hingga 20 tahun telah memberikan kerjasama untuk menjawab beberapa soalan kaji selidik.

Jadual 1. Profil Responden Mengikut Jantina, Umur dan Jenis Sekolah Sebelum Memasuki UiTM

		Bilangan (orang)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	57	32.2
	Perempuan	110	62.1
	Tidak dimaklumkan	10	5.6
Umur	18 tahun	13	7.3
	19 tahun	107	60.4
	20 tahun	51	28.8
Jenis Sekolah Sebelum Memasuki UiTM	Sek. Men. Keb.	160	9.
	Sek. Men. Jen. Keb	3	1.7
	Sek.Men. Agama	8	4.5
	Kolej Awam	4	2.2
	Kolej Swasta	2	1.1

Tinjauan mendapati sebahagian besar responden mengakui sudah tamat membaca al-Quran (128 orang). Di samping itu, 100 orang boleh membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid, manakala yang bakinya masih tidak lancar (merangkak-rangkak/ lambat seramai 70 orang dan tidak tahu membaca langsung seramai 7 orang). Biasanya mereka mengamalkan membaca al-Quran hanya pada masa-masa yang tertentu sahaja iaitu malam Jumaat - 38 orang (21.46%), bulan Ramadhan - 23 orang (13%) dan apabila berlaku kematian (keluarga) - 26 orang (14.68%). Ini menunjukkan masih ramai di kalangan mereka yang tidak membaca al-Quran ketika berada di Kampus UiTM Pahang ini (90 orang : 50.8%).

Secara keseluruhannya, ramai di kalangan responden yang telah belajar dan tamat mengaji al-Quran dari bimbingan ibu bapa atau guru al-Quran. Namun ada juga yang mengambil langkah mendapatkan bimbingan berterusan dari pensyarah dan kawan-kawan sepanjang mereka berada di kampus secara persendirian.

Faktor Ketidاكلancaran Membaca al-Quran

Terdapat beberapa faktor yang menjadi punca ketidak lancaran di kalangan responden membaca al-Quran dengan baik. Di antaranya ialah :

Jadual 2. Faktor Ketidak lancaran Membaca al-Quran

Bil	Faktor	Jumlah	Peratus
1.	Malu dan malas belajar	30 orang	16%
2.	Sukar mendapat guru yang sesuai	35 orang	20%
3.	Tiada galakan dan penekanan dari keluarga	19 orang	10.7%
4.	Sibuk dengan urusan perkuliahan	53 orang	30%
5.	Suasana persekitaran yang tidak mendorong	67 orang	38%

Jika diperhalusi faktor-faktor di atas, dapat disimpulkan bahawa faktor penghalang terbahagi kepada dua iaitu faktor penghalang yang berkaitan dengan masalah dalaman pelajar seperti kurang pengetahuan, mempunyai sifat malu, malas dan tidak tahu mengurus masa dengan baik. Faktor penghalang kedua yang berkaitan dengan masalah luaran seperti suasana persekitaran yang tidak mendorong mereka selalu membaca al-quran. Keadaan ini memerlukan perhatian dan tindakan serius dari pihak universiti, pensyarah-pensyarah, ibu bapa dan masyarakat setempat. Demikian juga ada yang tidak tahu langsung membaca al-Quran dengan alasan-alasan yang sama.

Faktor Pengabaian Amalan Mendirikan Solat

Berhubung dengan amalan solat pula, keseluruhan responden amat bersetuju bahawa ibubapa mereka sentiasa menekankan kefardhuan solat. Namun dari segi pelaksanaannya, adakah ibubapa memerhati anak-anak sama ada mereka menunaikan solat atau tidak sewaktu mereka masih berada di bawah jagaan/ pengawasan mereka. Ini adalah kerana rata-rata anak-anak akan keluar dari rumah bagi menyambung pelajaran atau bekerja sebaik sahaja keputusan SPM dan STPM diumumkan. Jadi, didikan mengutamakan penunaian solat akan memberi kesan positif kepada mereka agar tidak mudah mengabaikannya. Di samping masaalah pembacaan al-Quran, ramai juga responden yang meninggalkan solat. Di antara alasan mereka ialah seperti ditunjukkan dalam Jadual 3 (untuk soalan ini responden boleh menjawab lebih dari satu jawapan).

Faktor-faktor di atas adalah merupakan masalah peribadi pelajar atau ia lebih dikenali sebagai faktor dalaman yang memerlukan perhatian dan tindakan serius daripada pihak universiti, pensyarah-pensyarah, ibubapa dan masyarakat setempat. Secara kasarnya, lancar atau tidak ketika membaca al-Quran bukanlah penentu kepada pelaksanaan mendirikan solat di kalangan pelajar muslim di UiTM Pahang.

Jadual 3. Faktor penyebab pengabaian solat

Bil	Faktor	Jumlah	Peratus
1.	Kesuntukan masa	66 orang	37%
2.	Sifat malas	92 orang	52%
3.	Tidak fasih dengan bacaan-bacaan dalam solat	11 orang	6%
4.	Boleh di qadha' bila-bila masa dan ada yang tidak mengangap ianya berdosa	50 orang	28%

Cadangan

Ada beberapa cadangan yang dipersetujui oleh para responden bagi mengatasi masalah kurang lancarnya membaca al-Quran dan seterusnya membentuk sikap bertanggungjawab menyempurnakan amanah mendirikan solat yang baik.

1. Pelajar perlu berusaha ke arah sentiasa memperbaiki kemampuan membaca al-Quran dengan lancar, dan menunaikan solat dengan sempurna .
2. Merujuk kepada orang yang arif jika ada masalah dalam bacaan al- Quran dan hal ehwal yang berkaitan dengan solat.
3. Program Amali/Smart Solat wajar diadakan untuk pelajar muslim UiTM Pahang secara berterusan dengan silibus-silibus yang kemas dan
4. Bimbingan Fardhu Ain (BIFA) sesuai dijadikan program mingguan di kalangan pelajar-pelajar muslim di UiTM Pahang
5. Kelas Al-Quran secara formal harus diadakan dan digalakkan terutama kepada pelajar-pelajar muslim bahagian satu di UiTM Pahang .

Walau bagaimana pun mereka amat bersetuju bahawa apabila seseorang itu lancar membaca al-Quran, sepatutnya mereka lebih terdorong untuk menunaikan solat dengan baik dan terpelihara.

Kesimpulan

Membaca al-Quran dengan betul wajib ditunaikan oleh semua umat Islam tanpa mengira peringkat. Ia bukanlah terletak di bahu anak-anak kecil sahaja. Demikian juga kewajipan mendirikan solat wajib. Tidak dapat dinafikan masih ramai dari kalangan anak-anak kita yang lemah membaca al-Quran, dan seterusnya mengabaikan kewajipan solat. Walau bagaimanapun, lancar atau tidak seseorang muslim itu membaca al-Quran bukanlah penentu yang mutlak ke arah mendirikan kewajipan solat dengan konsisten. Sebagai ibu bapa, wajarlah kita mengenal pasti punca-punca wujudnya masalah ini, serta mengatasinya bagi mengembalikan hak Allah dari hambaNya.

Sesungguhnya jiwa yang diisi dengan ayat-ayat al-Quran akan membentuk manusia yang baik, dan menjaga pelaksanaan solat dapat membendung berbagai masalah masyarakat Islam di luar sana. Tanggungjawab ini perlu ditangani bersama dengan adanya gabungan semua pihak menurut keperluan dan kemampuan masing-masing.

Rujukan

- Abdul Hayie al-Alawie. (2006). *Al-Quran Penyembuh Penyakit & Penangkal Musibah*. Johor Bahru: Pustaka Azhar.
- Abdullah al-Qari Bin Haji Salleh. (2000). *Intisari Bahr al-Maadzi(Terjemahan)*.Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Abu Hasan Din al- Hafiz, (Dato’). *Kisah Para Nabi (Terjemahan)*. (2003). Kuala Lumpur: Darul Fajar Sdn. Bhd.
- Al- Ghazali. (1980). *Ihya Ulumiddin (Terjemahan)*. Jilid 2. Cetakan ke 3. Indonesia: Penerbit Asli.
- Kasmuri Selamat. (Drs). (1997). *Kemanisan Beribadat*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Miftah Faridl, Drs.. (1989). *Al-Quran Sumber Hukum Islam Yang Pertama*. Bandung: Penerbit Pustaka.
- Mohd Uzair Taufik (1999) *Bimbingan Lengkap Sembahyang Fardhu*. Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa.
- Mohd Yusof. (1995). *Bimbingan Akhlak Mulia*.Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Muhammad Jamaluddin, al- Syaikh al- Qasimi al-Dimasqi. (2002). *Bimbingan Untuk Mencapai Tingkat Mukmin (Terjemahan)*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Sheikh Othman. (1989) *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.